



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,
Jalan Basco Keping 1,
Basco Avenue@Keping,
31400 Ipoh, Perak

No Tel : 605 - 246 2100
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perak>

Ruj. Kami : JANM.PRK.600-1/2/6 (46)
Tarikh : 14 Ogos 2026

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab
YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan,

**SURAT PERINGATAN BIL 07/2026: BILANGAN EFT DITOLAK / CEK TERBATAL BAGI
TAHUN 2020 HINGGA 31 JULAI 2026 YANG BELUM DIGANTI**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 5 Tahun 2023 (SPANM BIL. 5/2023) Tatacara Pengurusan Bayaran bertarikh 30 Oktober 2023 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan mulai Januari 2018, EFT dan cek batal perlu diganti oleh pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan merujuk kepada **perihal 6.2 dan 7.2.2(2) Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab** seperti pada Lampiran G, SPANM Bil. 5/2023. Maklumat penolakan Cek/EFT perlu dijana secara harian dengan menjana Laporan Cek/EFT Batal belum Diganti melalui portal iGFMS.

3. Makluman dan perincian tatacara kunci masuk bayaran balik EFT boleh diakses pada arkib berita Portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak dengan merujuk kepada tajuk-tajuk seperti di bawah:-

- i. Garis Panduan Tatacara Pengurusan EFT Ditolak / Cek Terbatat;
- ii. Tatacara Kunci Masuk Bayaran Balik EFT Ditolak; dan
- iii. Maklumat Tambahan : Tatacara Kunci Masuk Bayaran Balik EFT Ditolak

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan adalah diminta untuk memastikan pegawai di PTJ membuat penggantian **SEGERA** bagi memastikan bilangan EFT Terbatat diminimakan. Sila abaikan notis ini jika tindakan penggantian/ pelarasan EFT Ditolak/ Cek Terbatat telah diambil.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Zurkhairi bin Zainuddin melalui 05-2462159. Bersama ini dilampirkan senarai bilangan EFT Ditolak / Cek Terbatat mengikut PTJ untuk rujukan dan tindakan. Komitmen YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan berkenaan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

**UNIT AKAUN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**